



**KEMENTERIAN PERUMAHAN DAN  
KERAJAAN TEMPATAN**

Unit Komunikasi Korporat  
Aras 2, No. 51, Persiaran Perdana  
Presint 4  
62100 PUTRAJAYA  
MALAYSIA

Tel: 03 – 8891 5556  
Faks: 03 – 8891 5557  
Laman Web: [www.kpkt.gov.my](http://www.kpkt.gov.my)  
Emel: [media.ukk@kpkt.gov.my](mailto:media.ukk@kpkt.gov.my)  
Twitter: [www.twitter.com/kpkt\\_gov](http://www.twitter.com/kpkt_gov)  
Facebook: [www.facebook.com/KPKTMalaysia](http://www.facebook.com/KPKTMalaysia)

---

Rujukan kami: KPKT/BPK/19/7/4 Klt.48 (86)

Tarikh : 15 Februari 2019

## **SIARAN MEDIA**

**15 Februari 2019**

### **MESYUARAT MAJLIS NEGARA BAGI KERAJAAN TEMPATAN KE-73 (MNKT KE-73)**

PUTRAJAYA, 15 Februari 2019 - YAB Dato' Seri Dr. Wan Azizah binti Dr. Wan Ismail, Timbalan Perdana Menteri telah mempengerusikan Mesyuarat Majlis Negara Bagi Kerajaan Tempatan Ke-73 (MNKT Ke-73) yang berlangsung pagi tadi di Dewan Persidangan ICU, Jabatan Perdana Menteri. Mesyuarat turut dihadiri oleh YB Menteri-menteri Kabinet, YAB Menteri-menteri Besar/Ketua-ketua Menteri, YB Timbalan-timbalan Menteri, Ketua-ketua Setiausaha Kementerian serta Ketua Jabatan/Agensi yang berkaitan.

Enam (6) kertas telah dibentangkan pada kali ini yang merangkumi empat (4) kertas pertimbangan iaitu:

#### **Kertas Pertimbangan**

- i. Tajuk: Garis Panduan Pengurusan dan Penyelenggaraan Kolam Renang di Kawasan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) oleh Jabatan Kerajaan Tempatan, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (JKT, KPKT)

Kertas ini menyentuh usaha untuk meningkatkan pengurusan dan penyelenggaraan kolam renang di kawasan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) seluruh negara bagi menyatakan secara terperinci prosedur atau peraturan pengurusan dan penyelenggaraan kolam renang termasuk aspek keselamatan yang perlu dipatuhi oleh pemilik kolam renang persendirian dan kolam renang seliaan PBT.

- ii. Tajuk: Garis Panduan Pemantauan Kualiti Air Kolam Renang oleh Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM)

Kertas ini membincangkan mengenai garis panduan untuk pemantauan kualiti air kolam renang bagi membantu pihak operator kolam renang awam menguruskan kolam renang mereka bagi memastikan kualiti air kolam berada pada tahap yang baik agar risiko kesihatan dan keselamatan kepada orang awam dapat dikurangkan

- iii. Tajuk: i-Tegur Sebagai Saluran Aduan Tunggal Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) oleh JKT, KPKT

Pembentangan kertas ini menyentuh mengenai penggunaan aplikasi i-Tegur sebagai satu saluran tunggal bagi PBT. Aplikasi ini sudah pasti akan menjadi saluran aduan yang mesra pengguna kepada PBT. Selain itu, saluran aduan tunggal ini akan membantu PBT dalam pengurusan aduan dengan cekap dan cepat seiring dengan perubahan demografi dan gaya hidup masa kini. Kelebihan aplikasi i-Tegur adalah pengguna boleh memuat turun aplikasi ini melalui telefon pintar secara percuma. Pengguna juga boleh membuat penghantaran aduan bergambar dengan lokasi yang tepat secara langsung melalui telefon pintar.

- iv. Tajuk: Peraturan-peraturan Pengurusan Strata (Pengkompanaan Kesalahan) 2018 oleh Bahagian Perkhidmatan Perbandaran, KPKT

Kertas ini membincangkan mengenai peraturan subsidiari yang terbaharu iaitu Peraturan-peraturan Pengurusan Strata (Pengkompanaan Kesalahan) 2018 telah digubal bagi memberi kuasa kepada Pesuruhjaya Bangunan di Pihak Berkuasa Tempatan (COB di PBT) untuk mengkompaan mana-mana kesalahan yang dilakukan di bawah Akta 757 atau peraturan subsidiarinya. Pemantauan dan penguatkuasaan yang berkesan daripada unit COB di PBT adalah satu keperluan bagi memastikan setiap pihak pengurusan bangunan berstrata berfungsi dengan sempurna.

Serta dua (2) kertas makluman seperti berikut:

### **Kertas Makluman**

- i. Tajuk: Penubuhan Suruhanjaya Perkhidmatan Pihak Berkuasa Tempatan (SPPBT) oleh JKT, KPKT

Kertas ini adalah berkaitan cadangan penubuhan Suruhanjaya Perkhidmatan Pihak Berkuasa Tempatan (SPPBT). Cadangan penubuhan SPPBT adalah untuk menambah baik kelemahan sistem perkhidmatan tertutup anggota dan kakitangan PBT. Antara kelemahan sistem perkhidmatan tertutup PBT ialah kurang peluang kenaikan pangkat, terdedah kepada rasuah, kurang peluang rayuan tatatertib dan kewujudan *Little Napoleon*. Penubuhan SPPBT dijangka akan memberi impak positif dari aspek membuka laluan kerjaya dan meningkatkan integriti kepada anggota dan kakitangan PBT dalam usaha untuk memperkasa budaya dan tadbir urus kerja di PBT.

- ii. Tajuk: Keputusan Penggredan Sistem Penarafan Bintang Pihak Berkuasa Tempatan (SPB-PBT) Bagi Semenanjung dan Wilayah Persekutuan Tahun 2018 oleh Bahagian Dasar & Inspektorat, KPKT

Kertas ini adalah berkaitan dengan keputusan Penggredan Sistem Penarafan Bintang Pihak Berkuasa Tempatan (SPB-PBT) Bagi 101 PBT di Semenanjung dan Wilayah Persekutuan Tahun 2018.

Penubuhan MNKT dalam konteks ini akan bertanggungjawab sebagai pembuat dasar serta penasihat mengenai hal-hal berkaitan dengan kerajaan tempatan khususnya dari segi dasar-dasar, kawalan dan pembangunan. Saya berharap kerajaan negeri dan kerajaan tempatan bertanggungjawab melaksanakan dasar yang dipersetujui dalam MNKT.

---

*Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) diterajui oleh YB Puan Hajah Zuraida Kamaruddin. Di bawah Kementerian ini terdapat 7 Jabatan iaitu Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia; Jabatan Perumahan Negara; Jabatan Kerajaan Tempatan; Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal*

*Negara; Solid Waste Corporation Malaysia; Tribunal Perumahan dan Pengurusan Strata; dan Institut Latihan Perumahan dan Kerajaan Tempatan.*

*Dikeluarkan Oleh : Unit Komunikasi Korporat  
b.p. Ketua Setiausaha  
Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan*

*Telefon : 03-8891 5555*

*Faks : 03-8891 5557*

*E-mel : [media.ukk@kpkt.gov.my](mailto:media.ukk@kpkt.gov.my)*